

DAP minta henti diskriminasi bangsa, agama dalam perniagaan
Malaysian Insider
Sept 13 , 2013
OLEH MOHD FARHAN DARWIS

DAP menggesa syarikat yang mengamalkan dasar diskriminasi terhadap mana-mana agama dan kaum segera menghentikan amalan berkenaan kerana ia bertentangan dengan budaya masyarakat Malaysia.

Setiausaha Publisiti DAP, Tony Pua (gambar), berkata amalan berkenaan perlu segera dibendung dan rakyat Malaysia seharusnya mengutamakan Malaysia terlebih dahulu, tanpa mengira perbezaan kaum, agama, atau jantina.

"Adakah kita akan membenarkan sesebuah syarikat mendiskriminasikan kaum wanita atas sebab keperluan mereka untuk mengambil cuti tiga bulan setiap kali melahirkan anak.

"Adakah syarikat kita tidak akan memberikan keutamaan kepada pekerja beragama Islam atas sebab keperluan Muslimin dan Muslimat untuk bersembahyang beberapa kali sehari? Adakah kaum India dibenarkan untuk dipinggirkan sebab mereka berkulit hitam," katanya dalam kenyataannya hari ini.

Beliau berkata, majikan seharusnya memilih pekerja berdasarkan prinsip kemahiran, sama ada daripada segi pendidikan, pengalaman dan kemahiran tertentu untuk pekerjaan yang spesifik.

"Tetapi apa yang mengejutkan ialah apabila universiti dan tokoh ekonomi menyokong tindakan sebegitu atas dasar 'free market' atau pasaran bebas atas sebab kepentingan keuntungan," katanya.

The Malaysian Insider melaporkan sebelum ini, Pakar Ekonomi RAM Holdings, Dr Yeah Kim Leng berkata, pasaran perniagaan komersial seperti pasar raya dan pusat membeli-belah adalah pasaran kompetitif yang ditentukan pelanggan.

"Jika sesebuah perniagaan hanya dapat mencapai keuntungan berdasarkan diskriminasi mengikut bangsa, agama dan jantina, lebih baik jika syarikat tersebut tidak beroperasi di negara kita," kata Pua.

"Dasar diskriminasi tidak ada ruang dalam masyarakat Malaysia dan langsung tidak boleh dibenarkan untuk berakar atau menjadi sesuatu perkara kebiasaan," katanya.

Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dan Perkasa sebelum ini membangkitkan wujudnya diskriminasi terhadap masyarakat Melayu dan Bumiputera oleh pasar raya dan pusat membeli belah di Malaysia, terutama di kawasan tumpuan di KLCC.

Mereka berkata, harga sewa yang tinggi menyebabkan peniaga Melayu dan Bumiputera gagal mendapat tempat di pasar raya besar disamping pemilik pasar raya yang tidak menyediakan ruang khas untuk peniaga Melayu dan Bumiputera. - 13 September, 2013

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-minta-henti-diskriminasi-bangsa-a>

gama-dalam-perniagaan